

15/04/2005

Mahathir-Media

MAHATHIR AKHIRNYA BERTEMU DENGAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini bertemu dengan kanak-kanak mangsa gempa bumi dari Pulau Nias, Indonesia, yang dinamakan selepas beliau di kediamannya di Sungai Besi, di sini.

Dalam pertemuan dengan Dr Mahathir, kanak-kanak itu kelihatan malu tetapi sempat menyampaikan pesanan daripada rakan-rakannya di Panti Asuhan Al-Wasliyah di Mudik, Pulau Nias, untuk meminta Dr Mahathir membantu membina semula pusat asuhan itu yang rosak selepas gempa bumi pada 28 Mac lepas.

Mahathir Mohamad berusia sembilan tahun, yang yatim piatu, dibawa ke Kuala Lumpur semalam hasil usaha akhbar harian Utusan Malaysia dengan Penerbangan Malaysia (MAS) dan Persatuan Bulan Sabit Malaysia setelah melahirkan keinginannya untuk bertemu dengan idolanya Dr Mahathir semasa ditemuramah oleh wartawan akhbar itu baru-baru ini.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak menjanjikan sebarang bantuan melainkan meminta anak yatim dan rakan-rakannya itu agar terus bersabar menerima dugaan hidup dan tidak mudah putus asa.

"Kita mesti tabahkan hati, mesti terus berusaha dengan tekun agar dapat berpeluang belajar sehingga ke universiti, selepas itu barulah kita boleh memperbaiki diri sendiri dan mengubah nasib kita," nasihat beliau.

Turut berada ialah isteri Dr Mahathir Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Mahathir yang berbaju Melayu merah jambu dan bersongkok juga meminta bekas perdana menteri menurunkan tandatangan dalam buku koleksi foto pemimpin Malaysia itu sebelum beliau menjamu jamuan petang bersama Dr Mahathir dan beberapa lagi hadirin.

Ayah Mahathir yang kagum dengan kehebatan bekas Perdana Menteri Malaysia itu memilih untuk menamakan anaknya sebagai Mahathir Mohamad.

Dalam pertemuan itu, Dr Mahathir juga menggesa media massa tempatan agar terus melaporkan kejadian malapetaka walaupun ianya telah lama berlaku dan tidak lagi menarik perhatian orang ramai.

Katanya, ini penting supaya masyarakat tidak lupa akan kejadian itu dan dapat terus menghulurkan bantuan kepada mangsa untuk membina semula hidup mereka.

-- BERNAMA

YBK HK PR